

**SANTAPAN
BICARA ILMU
BUAT PELAJAR
SEKOLAH
MENENGAH**



**ANAK MUDA
BERWAWASAN
TUNGGAK
KEPIMPINAN NEGARA**



DR.NINIE



DR.AZMAN

**ANAK MUDA
BERWAWASAN
TUNGGAK
KEPIMPINAN NEGARA**

DR.NINIE

DR.AZMAN



HAKCIPTA

Terbitan Pertama:
Disember 2021©Copyright 2021.

Penulis:
Dr. Azman Bin Bidin
Dr. Amaal Fadhlini Mohamed

Karya asal/Pembimbing Modul:
Dr. Azman Bin Bidin

Penyunting/Pereka letak:
Dr. Amaal Fadhlini Mohamed

Hakcipta terpelihara. Sebarang pengulangan dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau apa sahaja dari mana-mana bahagian e-buku ini adalah tidak dibenarkan tanpa izin penulis.

Diterbitkan oleh:
Ninidoll House Production
Bachok, Kelantan
Laman sesawang:
<http://www.ninidollebookhouse.com>
<https://ninidollbookhouse.blogspot.com>
Email: ninidollhouseproduction@gmail.com

e-ISBN: 978-967-26133-4-3



PENGHARGAAN

SMK TENGKU IDRIS SHAH
Bicara Ilmu
KEPIMPINAN MUDA BERWAWASAN
Emosi Terjaga Kehidupan Sejahtera
04 DISEMBER 2021 (SABTU) | 9.45PAGI - 12.30TGH | GOOGLE MEET

DR. NOR HAYATI BINTI RAMLAN
PENGETUA SMK TENGKU IDRIS SHAH

DR. NANTHA KUMARAN SANTRIAN
PENCERAMAH JEMPUTAN
Jabatan Psikiatrik & Kesihatan Mental
Hospital Tengku Ampuan Rahimah

DR. AZMAN BIN BIDIN
PENCERAMAH JEMPUTAN
Ketua Jabatan /Pensyarah Kanan
Jah Pembangunan Ihsan, Fakulti Pengajian Bahasa
& Pembangunan Insan, UMK

Sasaran : Pengawas, PRS, PSS, MKT,
Kelompok Murid Krisis
Saringan Minda Sihat

*Hadiah Misteri yang
lumayan dan menarik
menanti 40 orang
pemenang*

*Sijil penyertaan
disediakan*

Imbas QR Link Program

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan buat YBrs. Dr. Nor Hayati Ramlan, Pengetua SMK Tengku Idris Shah atas kesudian mengundang penulis/pembimbing sebagai panel jemputan bagi program di atas Ucapan syabas juga ditujukan kepada Dr. Nantha sebagai rakan panel yang banyak berkongsi pelbagai tip pengurusan emosi anak-anak muda. Jutaan terima kasih juga buat Cikgu Fazilah serta semua guru dan para pelajar SMK Tengku Idris yang amat gemilang sepanjang program berlangsung. Program Bicara Ilmu yang sangat efektif ini menjadi titik permulaan penghasilan naskhah buku ini. Semoga setiap perkongsian yang terkandung dalam naskhah digital ini dapat menjadi sebuah amalan berterusan kepada penulis serta sesiapa sahaja yang menyebarkan manfaatnya.



ISI KANDUNGAN

01 PRAKATA

02 KATA-KATA SEMANGAT

03 KENALI PEMBIMBING MODUL

05 KEPIMPINAN BERWAWASAN

18 CONTOHI KEMIMPINAN DIRAJA

11 CARI IDOLA ANDA

13 NEGERI ANDA, PELUANG ANDA

15 PEMIMPIN MUDA BERCITA-CITA TINGGI

17 LIHAT NEGARA-NEGARA LUAR

19 SAYANGI NEGARA KITA

21 KEPIMPINAN BERWIBAWA NEGARA

23 NEGARA SEJAHTERA

25 ADAKAH ANDA SEORANG PEMIMPIN?

28 BIBLIOGRAFI

29 BIODATA PENULIS 1

30 BIODATA PENULIS 2

PRAKATA

Syukur he hadrat Ilahi akhirnya naskhah digital ini siap dibukukan sebagai penyuntik semangat adik-adik pemimpin yang masih berada di bangku persekolahan. Isi kandungan dalam naskhah ini adalah buah fikiran pemimpin berwibawa, Dr. Azman Bidin, yang pada ketika ini merupakan Ketua Jabatan Pembangunan Insan di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. eBuku ini juga sesuai dijadikan salah satu pengisian modul program kepimpinan pelajar dan seumpamanya. eBuku ini disusun secara santai dalam bentuk visual ringkas bagi membimbing anda ke arah pembentukan kepimpinan muda berwawasan yang mempunyai impian tinggi menggunung. Anda adalah generasi cemerlang yang bakal memimpin negara kita ke arah maju jaya. Di manakah titik permulaannya? Semestinya dalam diri kita semua. Yakinlah bahawa kita semua dilahirkan sebagai pemimpin. Mungkin di rumah, kita adalah pemimpin kepada adik-beradik. Di sekolah, kita adalah pemimpin kepada rakan sebaya. Suatu hari nanti, kita pula adalah pemimpin kepada masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jadi, yakinlah bahawa impian kita nanti akan menjadi kenyataan. Kita perlu bertindak secara sistematik dan percaya pada kemampuan diri!

Ya, anda semua mampu!
Selamat berjaya adik-adik semua

Dr. Ninie

KATA-KATA SEMANGAT

**"KEPIMPINAN BERWIBAWA
ADALAH PEMACU
KECEMERLANGAN NEGARA"**

Dr.Azman Bidin



KENALI PEMBIMBING MODUL

KENALI PEMBIMBING MODUL

Dr. Azman Bidin



Dr. Azman dilahirkan di negeri Cik Siti Wan Kembang dalam daerah Tumpat pada tanggal 7 Januari 1973. Arwah bapa beliau berasal dari Negeri Sembilan. Negeri Kelantan merupakan tanah air kepada arwah ibu beliau.

Nama penuh beliau ialah Azman Bin Bidin. Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beliau kini bertugas sebagai Ketua Jabatan Pembangunan Insan di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK.

Arwah bapa beliau merupakan seorang pesara polis yang sudah bekerja lebih daripada 30 tahun perkhidmatan. Dr. Azman mempunyai dua orang abang. Arwah ibu beliau merupakan seorang suri rumah dan selalu menjadi guru quran kepada kanak-kanak. Mereka hidup dalam keluarga yang cukup dan sederhana.

Dr. Azman menggambarkan zaman kanak-kanak beliau sebagai nostalgia yang indah. Beliau merupakan seorang kanak-kanak normal yang nakal dan bersifat ingin tahu. Berkat kesabaran ibunya serta didikan bapanya yang tegas, beliau membesar sebagai insan yang berjaya.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

*Dr. Azman
Bidin*



Dr. Azman mendapat pendidikan sekolah menengah di Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Chepa. Dengan keputusan yang cemerlang, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat A-Level di Maktab Sains MARA Cheras, sebagai program persediaan ke luar negara.

Setelah itu, beliau melanjutkan pengajian Sarjana Muda (Komunikasi Kejuruteraan) di University of Sheffield, United Kingdom. Beliau mendapat tajaan daripada Telekom.

Setelah pulang ke tanah air, Dr. Azman berkhidmat di Telekom selama lebih kurang 10 tahun. Beliau kemudian menyambung pengajian ke peringkat sarjana di University of Strathclyde, Glasgow selama satu tahun. Atas rezeki daripada Allah S.W.T, beliau sekeluarga ditaja ke sana iaitu dengan membawa bersama isteri dan anak-anak.

Sementelah pulang ke Malaysia, Dr. Azman kembali menyambung perkhidmatan di Telekom semula selama enam bulan sehingga beliau mendapat tawaran biasiswa ke Korea. Beliau menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah di Yeungnam University, Korea Selatan selama 4 tahun dalam bidang Media dan Komunikasi.

KEPIMPINAN BERWAWASAN

Siapa anda
pada masa
akan
datang?

SENTIASA
BERSANGKA BAIK
DAN BERUSAHA
UNTUK BERJAYA

PERCAYALAH,
ANDA MAMPU
MENJADI SIAPA
YANG ANDA
INGINKAN!